

22/05/2002

Silver Bird masuki pasaran China, Australia

SILVER Bird Group Bhd (Silver Bird), pengeluar makanan dingin beku dan roti, akan meluaskan pasaran eksportnya ke China dan Australia sebagai langkah mengukuhkan kedudukannya.

Pengarah Urusan Kumpulan Silver Bird, Datuk Jackson Tan Hak Kook, berkata usaha itu juga selaras matlamat syarikat untuk meningkatkan kadar eksportnya daripada tujuh kepada 10 peratus.

Katanya, penerokaan pasaran ke China akan dilakukan menerusi rangkaian operasi syarikat di Hong Kong yang mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebelum ini.

"Kami kini memberi tumpuan kepada Hong Kong yang dianggap pintu masuk ke pasaran China Selatan," katanya pada majlis cabutan saham Silver Bird di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Pengarah MIDF Corporate and Consultancy Services Sdn Bhd (MIDFCCS), Mahathir Mohamed Ismail; Pengarah Urusan Kanan RHB Sakura Merchant Bankers Bhd, Tan Kong Han; Pengurus Besar MIDFCCS, Mohd Shuib Abd Ghani dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Silver Bird, Derec Ching.

Sementara itu Tan berkata, penerokaan pasaran ke Australia dilaksanakan berikutan produk keluaran Silver Bird kini semakin mendapat sambutan di arena antarabangsa.

"Ketika ini kami sudah berjaya meneroka pasaran ke kebanyakan negara anggota Asean serta beberapa ekonomi bukan tradisi di Asia Barat," katanya.

Tan berkata, Silver Bird juga sudah cukup bersedia menghadapi cabaran yang akan muncul daripada Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang akan bermula tahun depan.

Beliau berkata, sejajar usaha meluaskan pasaran itu, Silver Bird juga kini dalam proses meningkatkan kemampuan pengeluarannya menerusi pembinaan kilang baru di Nilai, Negeri Sembilan.

"Kompleks kilang baru bernilai RM24 juta itu akan dibangunkan dalam kawasan seluas empat hektar bagi menempatkan bangunan pejabat dan dijangka mula beroperasi tahun depan," katanya.

Sempena pengapungannya, Silver Bird membuat terbitan awam 14.8 juta saham biasa baru 50 sen seunit dan tawaran jualan 5.3 juta saham biasa 50 sen seunit pada 90 sen sesaham.

Bagi tiga juta saham yang diperuntukkan kepada awam, Silver Bird mencatat lebih langganan 22.88 kali dengan menerima 42,539 permohonan bagi 71.633 juta saham bernilai RM64.4697 juta.

Sementara itu, bagi kategori Bumiputera, ia mencatat lebih langganannya 22.53 kali apabila menerima 15,962 permohonan bagi 21.175 juta saham.

Tan berkata, sambutan yang diterima menunjukkan keyakinan pelabur kepada syarikat dan mutu produk dikeluarkannya.

"Tumpuan kami kini ialah mengukuhkan pengeluaran makanan yang menjadi teras perniagaan untuk pasaran tempatan dan eksport, iaitu menerusi pengenalan produk baru," katanya.

Beliau berkata, syarikat juga bercadang mengembangkan rangkaian cawangannya di Semenanjung Malaysia yang kini berjumlah 5,000 kepada 7,000 dalam tempoh dua tahun akan datang.

Silver Bird dijangka disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 5 Jun ini.

(END)

